

# Cetek ilmu punca negara Islam mundur, miskin: PM

Ummah perlu lengkapi diri untuk bersaing pada peringkat global

BH- 4/8/2007

Oleh Ismail Mat, Khairul Anuar Samad, Wan Faizal Ismayatim dan Rokaid Chik

**K**OTA BHARU: Kemiskinan dan kemunduran yang berlaku di kebanyakan negara Islam kini sebenarnya berpunca daripada kegagalan umatnya menguasai ilmu yang dianjurkan sejak al-Quran diturunkan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, ketiadaan ilmu menyebabkan banyak negara Islam kini, walaupun dikurniakan kekayaan hasil bumi yang banyak, masih gagal memanfaatkannya untuk memerangi belenggu kemiskinan rakyat.

"Banyak negara Islam hari ini berdepan kadar buta huruf tinggi. Saya bertanya kepada ulama mengapa ini terjadi dan mengapa banyak negara Islam miskin dan mundur.

"Kemiskinan dan kemunduran ini adalah ancaman kepada semua umat Islam, yang akhirnya memberi kesan terhadap agama Islam. Bila Islam mundur dan kurang ilmu pengetahuan, orang mempersoalkan agama diturunkan Allah ini," katanya berucap merasmikan Multaqa Ulama Dan Intelektual Islam Kelantan 2007, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Annuar Musa; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed

dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan Anugerah Tokoh Intelektual Islam Kelantan kepada pendakwah bebas, Dr Muhammad Uthman el-Muhammady, manakala Mufti Kelantan, Datuk Abdullah Mohd Hassan dianugerahkan Tokoh Ulama Islam Kelantan.

Abdullah berkata, berikutan itu, sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC), beliau mengambil pendekatan memperkasakan tahap pembangunan ekonomi negara Islam seluruh dunia.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan umat Islam sentiasa berusaha

**“Mengikut laporan PBB, Malaysia diletakkan negara nombor satu di dunia yang berjaya menangani masalah berkaitan kemiskinan, sekali gus menghapuskannya”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

menguasai ilmu pengetahuan yang kini menjadi faktor penting pembangunan ekonomi sesebuah negara untuk bersaing pada peringkat global.

"Musuh utama umat Islam yang sukar diatasi sebenarnya ialah kemiskinan dan kemunduran berpunca daripada kegagalan menguasai ilmu pengetahuan yang akhirnya menyebabkan kita ditempelak dan ini amat memalukan," katanya.

Dalam pada itu, beliau gembira kerana Malaysia satu-satunya negara Islam di dunia yang mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai negara paling berjaya menghapuskan kemiskinan.

Beliau berkata, mengikut laporan PBB, Malaysia diletakkan sebagai negara nombor satu di dunia yang berjaya menangani masalah berkaitan kemiskinan, sekali gus menghapuskannya.

"Ini bukan laporan dibuat oleh kerajaan, tetapi laporan dikeluarkan PBB dengan mengiktiraf Malaysia sebagai negara utama di dunia yang berjaya menangani masalah kemiskinan rakyatnya.

"Kita bersyukur dengan kejayaan ini, tetapi tugas itu belum selesai dan perlu berusaha lebih kuat lagi untuk mencapai sasaran menghapuskan kemiskinan sepenuhnya menjelang 2010," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau memberi fokus utama terhadap agenda itu kerana umat Islam yang mis-

kin akan mudah didorong rasa malang dan mungkin sesat.

"Akibat terlalu miskin dan daif, umat Islam mudah lupa diri dan mungkin tidak kenal serta dipercayai Tuhan selain tidak berupaya memajukan diri. Kita tidak mahu begitu. Jika kita hendak memperkasakan bangsa, kemiskinan dan kemunduran harus dihapuskan," katanya.

Sebagai Perdana Menteri, Abdullah berkata, beliau mempunyai tanggungjawab berat meletakkan dasar serta pandu arah yang baik kepada rakyat negara ini.

Katanya, beliau mengambil pendekatan pragmatik dalam memaju serta membangunkan negara supaya semua rakyat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama.

"Saya hendak melakukan pendekatan baru. Jika Perdana Menteri meletakkan dasar dan tunjuk arah, jika tidak betul, semua orang akan sesat. Saya tidak mahu menjadi Perdana Menteri yang menyesatkan orang dan dimarahi Allah.

"Oleh itu, saya mengambil pendekatan Islam Hadhari yang mana ia boleh diterima oleh semua rakyat tanpa timbul rasa curiga, takut atau terancam," katanya.

Abdullah berkata, tugas mengisi kemerdekaan dengan menyediakan pembangunan yang baik untuk semua rakyat adalah lebih berat berbanding usaha menuntut kemerdekaan.